ANGGOTA Bomba melakukan pemantauan di lokasi kejadian tanah runtuh di bangunan Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia di Jalan Duta. - Gambar NSTP/HAIRUL ANUAR RAHIM

TANAH RUNTUH DI BANGUNAN MACA

Sistem perpaipan bawah tanah bocor

(27.4.2023) Metro, p21

Oleh Raja Noraina Raja Rahim
rnoraina@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Siasatan mendapati, kebocoran kepada sistem perpaipan di bawah tanah menjadi punca berlaku runtuhan cerun berhampiran Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) di Persiaran Tunku Syed Sirajuddin di sini, kelmarin.

Menteri Kerja Raya Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, ia berdasarkan siasatan awal dilakukan Bahagian Forensik Tanah Runtuh Cawangan Kejuruteraan Cerun, Jabatan Kerja Raya (JKR).

"Kebocoran paip pada sistem perpaipan menyebabkan tanah mengalami ketepuan yang tinggi seterusnya meningkatkan *lateral force* kepada tembok penahan sedia ada daripada jenis *contiguous micropile.*

PEGAWAI JKR melakukan pemantauan menggunakan dron di lokasi kejadian tanah runtuh di bangunan MACA.

"Sebahagian tembok penahan itu runtuh bersama tanah cerun," katanya pada kenyataan semalam.

Selain itu, beliau berkata, taburan hujan di Stesen Sentul bagi empat hari daripada 21 April sehingga 24 April juga mencatatkan bacaan tinggi antara 16.0 milimeter (mm) hingga 47.5 mm.

Namun katanya, semasa kejadian cuaca adalah baik dan hujan tidak melanda.

Alexander berkata, JKR memerlukan lukisan terbina struktur tembok penahan sedia ada daripada pihak pemilik bangunan untuk membuat semakan lanjut terhadap struktur tembok penahan berkenaan.

Dalam pada itu, kata beliau, kerja pembersihan tapak bermula semalam, melalui kontraktor yang dilantik serta kerja pemasangan *tarpaulin sheet* di kawasan cerun runtuh bagi mengelak resapan air hujan terus ke tanah.

Tambahnya, kerja pemasangan *tilt sensor* bagi memantau pergerakan tanah di kawasan itu juga dijangka dilakukan bermula hari ini.